



## Kearifan tempatan dan potensinya sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti: Kajian kes komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Sabah

Mohd Jirey Kumalah<sup>1</sup>, Gusni Saat<sup>1</sup>, Jabil Mapjabil<sup>1</sup>, Rosazman Hussin<sup>1</sup>, Teuku Afrizal<sup>1</sup>, Mustapa Abu Talip<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah

Correspondence: Mohd Jirey Kumalah (email: mohdjirey@gmail.com)

### Abstrak

Pelancongan berasaskan komuniti adalah pelancongan yang bertujuan mencapai pembangunan lestari agar komuniti luar bandar dapat meningkatkan taraf hidup mereka tanpa merosakkan alam sekitar. Sabah merupakan salah sebuah negeri yang terkenal dengan tarikan pelancongan berasaskan budaya dan alam sekitar di Malaysia. Negeri ini mempunyai lebih daripada tiga puluh etnik suku kaum yang kaya dengan seni dan kebudayaan masing-masing, antaranya ialah suku kaum Bajau Ubian. Kawasan kajian ini dijalankan di Pulau Mantanani kerana keunikan komunitinya yang hampir seratus peratus adalah daripada suku kaum Bajau Ubian. Pulau Mantanani adalah sebuah pulau yang kaya dengan keindahan alam semula jadi manakala komuniti Bajau Ubian pula kaya dengan kearifan tempatan tersendiri. Terdapat enam klasifikasi kearifan tempatan yang boleh dijadikan sebagai tarikan pelancongan iaitu masakan, kraftangan dan pertukangan, permainan tradisi, kemahiran hidup, seni tarian dan muzik, majlis keraian dan perayaan. Setiap kearifan tempatan ini mempunyai potensi untuk dijadikan sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti. Justeru, kertas kerja ini akan meneliti potensi kearifan tempatan komuniti Bajau Ubian sebagai tarikan pelancongan di Pulau Mantanani.

**Katakunci:** Bajau Ubian, budaya lokal, kearifan tempatan, komuniti pulau, pelancongan lestari, seni pribumi

## Local knowledge and its potential as a community-based tourism attraction: The case of the Bajau Ubian Community in Mantanani Island, Sabah

### Abstract

Community-based tourism is a type of tourism which seeks to achieve sustainable development of rural communities whereby their standard of living can be improved without jeopardising environmental integrity. Sabah is one of the states in Malaysia that is well-endowed with tourism attractions based on culture and environment. This state has more than thirty ethnic tribes that are rich in native art and distinctive local knowledge and culture among which is the Bajau Ubian tribe of the scenic Mantanani Island. This study found six classifications of local knowledge that could be turned into tourist attractions, namely, cuisine, handicrafts and carpentry, traditional games, life skills, several arts of dance and music, and festival celebrations. Each of these local knowledge had the potential to become a community-based tourist attraction for the Mantanani Island.

**Keywords:** Bajau Ubian, island community, local knowledge, local culture, native arts, sustainable tourism

## Pengenalan

Berdasarkan laporan Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah - KEPKAS (2015), statistik ketibaan pelancong ke negeri Sabah sama ada pelancong domestik maupun antarabangsa menunjukkan peningkatan yang konsisten setiap tahun (Jadual 1). Dari tempoh tahun 2002 sehingga 2014, kira-kira 29 juta orang pelancong melawat ke negeri ini dengan menyumbang sebanyak RM80 bilion kepada pendapatan negeri. Sehubungan itu, peningkatan kadar pertumbuhan pelancongan tahunan adalah memberangsangkan iaitu sebanyak 13.5% dalam tempoh 6 tahun yang lalu. Untuk memperkasakan sektor pelancongan di Sabah, pihak kerajaan negeri giat mempromosikan pelbagai tarikan pelancongan berasaskan budaya dan alam sekitar. Antaranya termasuklah Taman Kinabalu, Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok, Taman Pertanian Tenom, Taman Tunku Abdul Rahman, Pulau Sipadan dan Taman Hidupan Liar.

**Jadual 1. Statistik ketibaan pelancong ke Sabah (2002-2014)**

Tahun	Jumlah Ketibaan Pelancong
2014	3,230,645
2013	3,383,243
2012	2,875,761
2011	2,844,497
2010	2,504,669
2009	2,246,068
2008	2,300,428
2007	2,478,443
2006	2,091,658
2005	1,828,771
2004	1,773,271
2003	1,251,454
2002	1,107,356

Sumber: Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah - KEPKAS (2015).

Sabah adalah sebuah negeri yang terkenal dengan tarikan pelancongan berasaskan pulau-pulau kecil. Di perairan Laut China Selatan di sebelah barat, terdapat pulau seperti Pulau Layang-Layang, Pulau Mengalum, Pulau Mantanani, Pulau Tiga dan Taman Tunku Abdul Rahman (sebahagian Pulau Gaya, Pulau Mamutik, Pulau Sulug, Pulau Manukan dan Pulau Sapi). Di sebelah Timur di perairan Laut Sulu, pulau kecil yang menarik perhatian pelancong ialah Pulau Lankayan, Pulau Libaran termasuk Pulau Selingan. Terdapat banyak pulau kecil di sebelah Tenggara negeri Sabah iaitu di perairan Laut Sulawesi. Selain Pulau Sipadan dan Pulau Mabul, pulau kecil yang menjadi tarikan pelancong ialah Pulau Pom Pom, Pulau Ligitan, Pulau Mataking, Pulau Kapalai serta Taman Laut Tun Sakaran seperti Pulau Boheydulang, Pulau Sebangkat, Pulau Maiga, Pulau Selakan dan Pulau Mantabuan.

Pulau Mantanani di perairan Laut China Selatan yang termasuk dalam daerah Kota Belud adalah salah satu pulau kecil yang berpotensi sebagai tarikan pelancong. Pulau Mantanani terdiri daripada tiga buah pulau iaitu Mantanani Besar, Mantanani Kecil dan Pulau Linggis. Majoriti penduduk Pulau Mantanani adalah daripada etnik Bajau Ubian dan beragama Islam. Kebanyakan penduduk bekerja sebagai nelayan dan aktiviti berasaskan laut serta pekerja di resort pelancongan. Selain tarikan persekitaran pulau dan pantai, Pulau Mantanani adalah unik dari segi budaya dan cara hidup komunitinya. Salah satu tarikan budaya yang boleh diperkasakan untuk pelancongan berasaskan komuniti ialah kearifan tempatan (*local knowledge*) etnik Bajau Ubian itu sendiri. Penglibatan komuniti pulau dalam aktiviti pelancongan adalah salah satu strategi pembangunan yang boleh dilaksanakan untuk mengubah nasib dan taraf hidup komuniti pulau yang sering kali dilabelkan sebagai miskin, mundur dan terpinggir daripada arus pembangunan. Menurut Yahaya (2014), industri pelancongan adalah satu sektor ekonomi yang mempunyai prospek yang baik terutamanya di lokasi yang menarik seperti di pulau-pulau kecil yang masih kurang membangun .

Apatah lagi, kebanyakan pelancong lebih suka mencari realiti dan keaslian di sesebuah destinasi pelancongan yang dilawati terutama dalam konteks alam sekitar dan budaya yang belum tercemar (Poon, 1993; Krippendorf, 1987; Weiler & Hall, 1992).

### Pelancongan berdasarkan komuniti (PBK)

Menurut Hiwasaki (2006) pelancongan berdasarkan komuniti adalah "pemberian kuasa dan hak milik masyarakat, pemuliharaan sumber semula jadi, budaya, sosial dan pembangunan ekonomi serta kualiti pengalaman pengunjung (tahap kepuasan)". Pelancongan berdasarkan komuniti adalah bertujuan untuk mencapai pembangunan lestari agar komuniti luar bandar dapat meningkatkan taraf hidup mereka tanpa merosakkan alam sekitar. Mereka akan memperoleh peluang untuk memperbaiki dan meningkatkan ekonomi hasil aktiviti pelancongan. Selain itu, mereka berpeluang untuk menambah pengetahuan dan pengalaman bagi meningkatkan lagi tahap sosial. Dari aspek peningkatan budaya pula, ia termasuklah peningkatan terhadap pemahaman dan penghargaan budaya, warisan dan nilai yang dipegang oleh penduduk tempatan itu sendiri (Nur Atiqah et al., 2014).

Justeru, keperluan kajian yang jelas untuk membangunkan penyertaan komuniti, pengagihan kuasa semula, proses kerjasama dan modal sosial adalah penting (Okazaki, 2008). Goodwin dan Santili (2009) menjelaskan pelancongan berdasarkan komuniti merupakan satu kaedah pembangunan berdasarkan pendekatan penyertaan komuniti. Pendekatan ini melibatkan pembangunan dan pemuliharaan budaya. Selain itu, terdapat beberapa ciri positif dan faedah daripada pelancongan berdasarkan komuniti yang meliputi aspek ekonomi, alam sekitar dan sosiobudaya (Jadual 2).

**Jadual 2. Ciri-ciri positif dan faedah pelancongan berdasarkan komuniti**

Ciri-ciri positif dan faedah PBK	
a) Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Peluang pekerjaan secara langsung (pengurusan, pentadbiran, pembinaan, perhotelan dan dll.)</li><li>• Peluang pekerjaan tidak langsung (pengurusan alam sekitar, usahawan, industri sekunder yang lain)</li><li>• Menyokong pembangunan pelbagai sektor atau mono-sektor bukan keuntungan perusahaan (yang memberi manfaat / dikawal atau dipengaruhi oleh masyarakat)</li></ul>
b) Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar</li><li>• Meningkatkan pengurusan dan pengawasan sumber semula jadi</li></ul>
c) Sosiobudaya	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memudahkan pembangunan tenaga kerja (contoh hak dan syarat)</li><li>• Memberi faedah (kepada semua pihak yang berkepentingan dalam masyarakat)</li><li>• Menggalakkan persefahaman budaya</li><li>• Mengelakkan warisan budaya dan sosial serta bahasa tempatan</li><li>• Menyokong dan memelihara kraf dan kemahiran tempatan yang unik</li><li>• Mewujudkan rasa kesejahteraan</li><li>• Menggalakkan pemahaman antara institusi yang lebih besar</li><li>• Penghayatan matlamat balas pemegang kepentingan dan agenda</li></ul>


*Sumber:* Diubah suai daripada Simpson (2008).

Menurut Hiwasaki (2006), pelancongan berdasarkan komuniti memainkan peranan penting dalam pembangunan komuniti luar bandar. Pelancongan berdasarkan komuniti merujuk kepada aktiviti pelancongan dan perkhidmatan yang dibangunkan oleh ahli komuniti tempatan atau kerjasama pihak

swasta dan badan bukan kerajaan. Pada umumnya, pelancongan berasaskan komuniti dilaksanakan berdasarkan elemen istimewa dalam hidup komuniti, budaya dan alam semula jadi sesebuah kawasan. Yahaya (2008) menjelaskan komuniti adalah merujuk kepada beberapa elemen penting, iaitu manusia, ruang tempat tinggal, interaksi sosial, semangat kerjasama dan identifikasi kolektif (ciri-ciri identiti khusus yang boleh dikenal pasti). Menerusi industri pelancongan, ia dapat membantu pembangunan sesebuah kawasan dan komuniti terutamanya kawasan luar dan pinggir bandar seperti peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi. Malahan pembangunan pelancongan meningkatkan kualiti pembangunan fizikal setempat menerusi jaringan perhubungan dan kemudahan asas yang akan dipertingkatkan demi memenuhi syarat-syarat kawasan pelancongan yang baik (Nadiah et al., 2012).

### Model pelancongan berasaskan komuniti

Menurut Vesna et al. (2014), model pelancongan berasaskan komuniti adalah hasil dua integrasi pendekatan iaitu pendekatan atas ke bawah (*bottom up*) dan pendekatan bawah ke atas (*top down*) dalam strategik perancangan pembangunan komuniti luar bandar. Hampir semua produk pelancongan berasaskan komuniti menggunakan produk asli daripada pelbagai sumber seperti ilmu pengetahuan dan sumber alam semula jadi.



Sumber: Vesna et al. (2014).

**Rajah 1.** Model pelancongan berasaskan komuniti

Integrasi antara ketiga-tiga aspek yang merangkumi pelancongan, pertanian dan warisan budaya adalah strategi pembangunan komuniti di luar bandar (Rajah 1). Pembangunan sektor pelancongan merupakan langkah untuk membantu komuniti di luar bandar dan disokong oleh sektor lain. Hasil daripada penggabungan tersebut, wujud alternatif untuk membantu menaik taraf hidup komuniti luar bandar yang sering kali dianggap sebagai komuniti miskin, terpinggir dan mundur dari arus pembangunan (Yahaya, 2008).


Pembentukan model pelancongan berasaskan komuniti memerlukan garis panduan utama yang sesuai dalam setiap konteks tempatan (Vesna et al., 2014). Pembentukan model pelancongan berasaskan komuniti di destinasi ekopelancongan seharusnya selaras dengan keperluan strategi pembangunan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara usaha membangunkan destinasi pelancongan yang selaras

dengan konsep ini adalah penglibatan individu dan komuniti yang berasaskan pendekatan bawah ke atas (*bottom up*).

Dalam strategi pembangunan pelancongan luar bandar di peringkat kerajaan tempatan, ia memerlukan penglibatan komuniti di peringkat bawah. Hal ini penting kerana pembangunan destinasi dan produk hasil daripada pelbagai sumber akan dijana oleh komuniti tempatan sendiri dan keaslian alam sekitar serta nilai kearifan tempatan tradisional yang tidak dicemari oleh arus pembangunan. Justeru, dalam menetapkan sebuah model seharusnya mempunyai instrumen yang dapat diukur terutamanya mengukur tahap kepuasan komuniti dan pengunjung mengenai pembangunan pelancongan.

### Latar belakang teori: Kearifan tempatan

Kearifan tempatan adalah pengetahuan yang terkumpul dalam amalan komuniti di sesebuah kawasan. Namun, tidak dinafikan sesebuah kawasan itu memiliki perbezaan dari segi etnik, sosial, aset budaya dan latar belakang sejarah (Yin, 2003). Ilmu pengetahuan dan kearifan sesebuah komuniti adalah berguna dan relevan untuk dikumpulkan sebagai langkah pemeliharaan. Menurut Yin (2003), sistem pengetahuan komuniti setempat adalah berbeza. Rajah 2 menunjukkan kearifan tempatan komuniti A yang mungkin berbeza daripada komuniti B, C, D, E, F dan seterusnya.



Sumber: Yin Cheong Cheng (2003).

Rajah 2. Sistem kearifan tempatan dan kearifan Tempatan Global

Di kebanyakan negara Asia seperti China, India, Jepun dan Korea mempunyai sejarah panjang dalam membina tradisi yang bertujuan untuk mengekalkan aset budaya dan identiti tempatan dalam menghadapi cabaran globalisasi (Yin, 2003). Untuk itu, kebanyakan negara ini sering cenderung untuk menggunakan ‘teori pokok’ untuk memupuk kearifan tempatan dalam era globalisasi. ‘Teori pokok’ menganggap proses memupuk kearifan tempatan perlu bermula daripada akar iaitu mendalamai nilai-nilai dan tradisi tempatan. Pengisian melalui pendidikan adalah langkah pertama untuk memupuk kearifan tempatan dalam kalangan mereka dengan menerapkan nilai-nilai tempatan dan budaya dalam sumber pengajaran. Hasil yang diharapkan dalam teori ini adalah membangunkan komuniti tempatan yang memiliki pandangan di peringkat dunia yang akan dilaksanakan secara tradisional dan membangunkannya di peringkat global.

Kekuatan teori ini ialah komuniti tempatan dianggap dapat mengekal dan membangunkan nilai-nilai tradisi serta identiti budaya dengan lebih jauh hasil daripada interaksi dengan alam semula jadi. Apabila proses ini berterusan terutamanya di peringkat akar budaya, ia akan menjadikan pengumpulan budaya lebih stabil dan sistem kearifan tempatan dapat menyumbang kepada pertumbuhan komuniti berkelas

global. Namun demikian, terdapat beberapa faktor yang menjadikan kearifan tempatan menjadi sangat selektif dan terhad iaitu akibat daripada tahap kemiskinan komuniti, pertumbuhan individu dan komuniti tempatan yang disempadani serta menderita akibat tekanan hidup. Tambahan pula, terdapat kemungkinan hasil kajian tidak memperolehi perkembangan atau pertumbuhan kearifan tempatan, sebaliknya mungkin hanya pengetahuan teknikal sahaja (Yin, 2003).

## **Sorotan konseptual**

### *a) Kearifan tempatan*

Konsep kearifan tempatan adalah pelbagai dan masih belum ada satu definisi yang tepat dan khusus. Menurut Flavier (1995), kearifan tempatan adalah pengetahuan unik yang merujuk kepada budaya sesebuah komuniti. Pengetahuan ini adalah asas kepada komuniti tempatan untuk membuat keputusan dalam pertanian, penjagaan kesihatan, penyediaan makanan, pendidikan, pengurusan alam semula jadi, sumber dan pelbagai aktiviti lain (Warren, 1992). Sistem pengetahuan ini bersifat dinamik dan sentiasa dipengaruhi oleh kreativiti dalam hasil interaksi dengan alam sekitar (Flavier, 1995). Menurut Hiwasaki et al. (2014), aspek kearifan tempatan adalah pelbagai bentuk, antaranya cerita rakyat, lagu, peribahasa, nilai budaya, kepercayaan, ritual, undang-undang adat, bahasa dan amalan pertanian. Ringkasnya, kearifan tempatan merujuk terhadap kefahaman, kemahiran dan falsafah yang dikembangkan oleh komuniti yang mempunyai sejarah panjang melalui interaksi dengan persekitaran semula jadi mereka. Menurut Flavier (1995), bagi projek pembangunan, pengetahuan kearifan tempatan adalah relevan bagi strategi berikut; (i) pertanian, (ii) penternakan haiwan dan perubatan veterinar, (iii) penggunaan dan pengurusan sumber asli, (iv) pembangunan komuniti dan (v) pembasmian kemiskinan.

### *b) Komuniti pulau*

Menurut Yahaya (2008), komuniti adalah merujuk kepada sekumpulan kecil manusia yang tinggal di sesebuah petempatan, mengamalkan suatu tahap autonomi dan cara hidup tersendiri, berkongsi aspirasi dan kehendak, berpartisipasi dalam aktiviti harian, bersatu-padu dengan semangat kekitaan serta mempunyai kaitan yang rapat dalam semua aspek kehidupan. Menurut Jabil (2014), kebanyakan pulau di dunia ini mempunyai banyak persamaan seperti saiz yang kecil, bilangan penduduk yang sedikit, struktur sosioekonomi yang tradisional dan kurang membangun. Pada umumnya, terdapat dua ciri asas sesebuah pulau iaitu ‘keterpencilan’ dan ‘kekecilan’ (Jabil, 2014). Komuniti pulau merupakan penduduk yang mendiami pulau-pulau kecil yang terasing daripada tanah besar (Yahaya, 2008). Penglibatan komuniti merupakan antara aspek terpenting dalam pembangunan pelancongan. Kepentingan komuniti dalam setiap aktiviti pembangunan pelancongan bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan destinasi pelancongan malah secara tidak langsung memberi faedah kepada mereka (Nur Atiqah et al., 2014). Penglibatan komuniti setempat terutamanya sebagai pengusaha yang menyediakan tempat penginapan kepada pelancong memberi sumbangan yang penting terhadap pembangunan pelancongan di kawasan mereka (Rosazman & Velan, 2014).

### *c) Etnik Bajau Ubian*

Menurut statistik Jabatan Perangkaan (2010), terdapat lebih daripada 3,206,742 orang penduduk di negeri Sabah. Komuniti Bajau mewakili 14% daripada keseluruhan jumlah penduduk di Sabah. Ini menunjukkan komuniti Bajau adalah etnik kedua terbesar selepas suku kaum Kadazan (Shalawati et al., 2014). Antara jumlah tersebut, etnik Bajau Ubian adalah termasuk dalam rumpun Bajau, namun terdapat perbezaan dari segi dialek, gaya hidup dan lokasi penempatan. Dari segi taburan lokasi, petempatan komuniti Bajau Ubian dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu di Pantai Barat Sabah khususnya di Kudat, Tuaran,

Kota Kinabalu dan Papar, manakala di Pantai Timur pula, komuniti ini tertumpu di Lahad Datu, Semporna dan Tawau (Saidatul et al., 2012). Etnik Bajau Ubian berbeza sedikit daripada komuniti yang bertutur dalam dialek Bajau Semporna (Sama Kubang), Simunul, Sibutu, Sikubung dan Laminusa.

## Klasifikasi dan potensi kearifan tempatan komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani

### Makanan tradisional

Penyelidikan terhadap makanan tradisional suku kaum di Sabah masih kurang dilakukan. Setiap makanan mencerminkan pelbagai aspek, antaranya falsafah, sejarah, perilaku, simbol budaya, ritual dan identiti sesebuah kumpulan etnik. (Shalawati et al., 2014). Makanan komuniti Bajau Ubian dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu makanan berasaskan laut dan darat (Jadual 3 & Rajah 3).

**Jadual 3. Kategori lauk-pauk berdasarkan laut dan darat**

Kategori lauk-pauk
a) Berasaskan laut
<ul style="list-style-type: none"><li>· <i>Kima</i></li><li>· <i>Sinagol</i></li><li>· <i>Kinilau</i></li><li>· <i>Tehe'-tehe'</i></li><li>· <i>Lato'</i></li><li>· <i>Balog-ballog</i></li><li>· <i>Bantunan</i></li><li>· <i>Tayum</i></li><li>· <i>Bat</i></li><li>· Ikan masin</li><li>· Pelbagai jenis ikan (ikan kerisi, tongkol dll.)</li></ul>
b) Berasaskan darat
<ul style="list-style-type: none"><li>· <i>Putu</i></li><li>· <i>Tinompeh</i></li><li>· <i>Binamban panggi' kayu</i></li></ul>

Makanan berasaskan laut yang terkenal dan menjadi identiti Bajau Ubian adalah isi *Kima* dan *Sinagol*. *Kima* (*Tridacna gigas*) adalah sejenis kerang laut dan dijadikan hidangan lauk harian dan festival komuniti Bajau Ubian. Terdapat beberapa spesies *kima*, antaranya *lapiran*, *kima bohe* dan *sallot-sallot* (*kima* bersaiz kecil). Isi *Kima* boleh dimakan begitu sahaja dengan mencampurkan air limau dan cili padi. Isi *Kima* boleh dimasak bersama sayur bagi menambahkan aroma hidangan lauk. Selain *kima*, *sinagol* adalah makanan tradisi suku kaum ini. Terdapat dua jenis masakan iaitu masakan kering dan basah. *Sinagol* adalah makanan yang menggunakan isi ikan seperti ikan pari, ikan yu dan ikan buntal. Isi ikan tersebut akan dicincang halus dan dimasak menggunakan kunyit dan campuran minyak hati pari, minyak hati ikan yu ataupun minyak hati ikan buntal.

Seterusnya, ubi kayu adalah makanan berasaskan darat. Proses menghasilkan makanan daripada ubi kayu memerlukan alatan khas yang dikenali sebagai *pangalihis* (penghiris ubi kayu) dan *nganggipit* (menghimpit) ubi kayu tersebut sehingga kering. Hasil masakan daripada ubi kayu adalah pelbagai jenis, antaranya *Putu*, *Tompeh*, *Sinaglag* dan *Binamban*. Lazimnya, komuniti Bajau Ubian akan mengantikan nasi dengan ubi kayu sebagai menu utama.

Masakan tradisi komuniti Bajau Ubian turut dibahagikan kepada dua jenis iaitu masakan yang dimasak dan dimakan mentah. Makanan yang dimasak seperti direbus, dipanggang dan dibakar. Manakala,

makanan yang dimakan mentah pula adalah seperti *Balog-balog*, *Bantunan*, *Tehe-tehe*, *Tayum*, *Kilau*, *Bat*, *Lato*' dan isi *Kima*.

Selain itu, kuih-muih adalah makanan yang disediakan untuk tetamu, dijual mahupun untuk hidangan sendiri. Jadual 4 menunjukkan senarai kuih-muih yang disediakan oleh komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani.

**Jadual 4. Kategori kuih-muih**

Kategori kuih-muih
Kuih <i>tahai</i>
Kuih <i>jah</i>
Kuih <i>panyam / penjaram</i>
Kuih kacang bertapuk
Kuih lidah
Kuih gulintah
Kuih bahulu
Kuih tali
Kuih batang buruk

Kuih *tahai*, *jah* dan *panyam* adalah kuih tradisi yang melambangkan identiti kaum Bajau Ubian. Kuih *tahai* merupakan kuih 'wajib' semasa majlis perkahwinan komuniti Bajau Ubian. Bahan utama diperlukan untuk membuat kuih *tahai* adalah gula, tepung, kelapa, tepung penaik dan air. Manakala proses memasaknya pula hanya dengan memanggang sehingga berwarna kuning keemasan. Antara jenis kuih yang turut dihidangkan semasa majlis perkahwinan komuniti ini adalah kuih kacang bertapuk, kuih lidah, kuih bahulu dan kuih tali.


Kuih *jah* atau dikenali sebagai kuih jala merupakan kuih tradisi komuniti Bajau Ubian yang disediakan semasa mengadakan kenduri kesyukuran, kenduri arwah dan majlis perkahwinan. Selain itu, kuih ini turut dikenali sebagai sarang semut kerana berbentuk seperti sarang. Bahan utama yang digunakan adalah air, gula melaka dan tepung beras. Manakala alat yang digunakan sebagai acuan (*pasalakan*) kuih *jah* adalah diperbuat daripada tempurung kelapa yang ditebus lubang-lubang kecil pada bahagian bawah tempurung agar adunan tepung mengalir daripada lubang tersebut. Selain itu, kuih *panyam* atau *penjaram* turut dihidangkan terutamanya semasa kenduri arwah. Kuih ini disediakan dengan melibatkan adunan bahan seperti tepung beras, tepung gandum, santan kelapa, gula tebu dan gula halus. Untuk mendapatkan saiz kuih yang sama, cawan yang bersaiz biasa digunakan sebagai penyukat adunan sebelum digoreng dalam kuali.



*Binamban Panggi' Kayu*



*Kuih Tahai*



**Rajah 3.** Antara makanan tradisional komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani

## *Kraftangan dan pertukangan*

Merujuk kepada Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 (222), keluaran kraftangan membawa maksud apa-apa keluaran artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan hasil daripada sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya melalui kemahiran tangan. Kemahiran hasil tangan komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani dapat dikategorikan kepada dua bahagian iaitu kemahiran berasaskan pulau dan laut. Terdapat pelbagai sumber diperolehi sebagai bahan kraftangan dan pertukangan sama ada yang dibeli mahupun yang diperolehi daripada persekitaran mereka (Jadual 5). Manakala kemahiran berasaskan laut pula hasil daripada kutipan cengkerang dan batu karang dari laut (Jadual 6 & Rajah 4).

**Jadual 5. Kemahiran kraftangan dan pertukangan Komuniti Bajau Ubian berdasarkan pulau**

Kemahiran kraftangan dan pertukangan

- a) Membuat perahu dan bot
  - Perahu tongkang
  - Bot biasa
  - Bot laju (*speedboat*)
  - *Boggo' / Gubang-gubang* (sampan kecil)
  - *Busai* (pendayung)
- b) Alatan masakan
  - *Putuhan* (acuan membuat *putu* - makanan tradisi komuniti Bajau Ubian)
  - Acuan kuih *jah* (kuih tradisi dihidangkan semasa kenduri)
  - *Lappohan* (dapur kayu diperbuat daripada tin biskut bersaiz besar)
- c) Anyaman *tepoh* (tikar mengkuang)
- d) Alatan lain
  - *Kuhut* (diperbuat daripada buluh dan diguna untuk mencari kutu di kepala)
- e) Alatan nelayan
  - *Pitikan* (panah atau senapang laut)
  - *Ullang-ullang* ('umpan' mencandat sotong)

Kemahiran bertukang membuat perahu dan bot dimiliki daripada nenek moyang terdahulu. Terdapat pelbagai jenis bot dihasilkan antaranya bot biasa dan bot laju (*speedboat*). Kualiti sebuah perahu dan bot

bergantung dengan jenis kayu yang digunakan dan kekemasan hasil daripada kemahiran seorang tukang kayu. Kebiasaannya, bahan yang digunakan seperti kayu diperolehi daripada pelbagai sumber seperti kayu yang terdampar di pantai, dibeli dari tanah besar atau ditebang dalam hutan. Bahan lain yang diperlukan semasa proses pembuatan dijalankan adalah gam (*mastik*), paku, cat, gergaji, kapak dan parang.

**Jadual 6. Kemahiran komuniti Bajau Ubian berdasarkan laut**

Kemahiran
a) Perhiasan rumah <ul style="list-style-type: none"><li>· Berasaskan kulit siput</li><li>· Berasaskan cengkerang</li><li>· Berasaskan serpihan batu karang</li></ul>

Kebanyakan komuniti Bajau Ubian menjadikan hasil kraftangan berdasarkan siput, cengkerang dan serpihan batu karang sebagai perhiasan dalam rumah mereka. Hasil kraftangan ini disediakan dengan membersihkan, mencat dan mencorak hasil daripada siput, cengkerang dan batu karang yang dikutip. Perhiasaan tersebut turut dijadikan sebagai cenderahati majlis perkahwinan dan dijual kepada pelancong.



**Rajah 4. Antara kraftangan dan pertukangan Komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani**

*Permainan tradisi*

Permainan tradisi ialah aktiviti bermain yang dilakukan pada masa lapang oleh sesebuah komuniti terutamanya di luar bandar, pedalaman dan pulau. Ia turut dilakukan sebagai aktiviti riadah yang sihat dan dapat menyemai semangat kerja berpasukan dan kemauafakatan. Permainan tradisional komuniti Bajau

Ubian adalah unik dan menarik. Kebanyakan permainan ini dilakukan oleh kanak-kanak di pulau (Jadual 7 & Rajah 5).

**Jadual 7.** Permainan tradisi Komuniti Bajau Ubian

Jenis permainan
<i>Mag'jangkal-jangkal</i> (lubang tikus / lompat tikus)
<i>Mag'belatin</i> (galah panjang)
<i>Mag'olen</i> (bermain guli)
<i>Mag'gattah</i> (bermain lompat getah)
<i>Mag'selipar</i> (bermain lempar selipar)

Antara permainan yang popular dalam kalangan komuniti ini adalah bermain guli, lubang tikus atau lompat tikus dan bermain lompat getah. Permainan lempar selipar dan galah panjang didapati jarang dimainkan kecuali sekiranya bilangan orang mencukupi untuk bermain. Kebanyakan permainan ini menggunakan sepenuhnya ruang alam sekitar, bahan terpakai yang mudah diperolehi dan dilakukan pada waktu petang sahaja.



**Rajah 5.** Antara permainan tradisi Komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani

*Kemahiran hidup*

Kemahiran hidup komuniti Bajau Ubian turut digunakan untuk menjana sumber ekonomi (Jadual 8 dan Rajah 6). Kemahiran ini digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Sebagai contoh, ikhtiar jaya yang digunakan apabila sesat di laut, mereka akan menjadikan bintang di langit sebagai petunjuk arah pulang ke pulau. Kemahiran ini lebih banyak dimiliki oleh kaum lelaki.

#### Jadual 8. Kemahiran hidup

Kemahiran
<i>Magpanah daing</i> (memanah ikan)
<i>Mag'tabbah</i> (mengarang hasil kerang dan siput)
<i>Sangbaw</i> atau <i>gintul</i> (perangkap ketam)
<i>Ambitan</i> (memukat)

Kemahiran hidup ini diwarisi daripada turun-temurun nenek moyang mereka, namun tidak dinafikan terdapat kemahiran yang tidak diamalkan lagi seperti aktiviti memproses ubi kayu. Hal ini disebabkan ubi kayu yang telah siap diproses banyak dijual di pasar tanah besar, Kota Belud. Justeru, inisiatif memperkasakan kearifan tempatan adalah satu cara yang berkesan dalam memelihara kemahiran hidup komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani agar terus lestari.



*Sangbaw* atau *gintul* (perangkap ketam)



*Ambitan* (memukat)



*Mag'panah daing* (memanah ikan)



*Mag'daing asin* (memproses ikan masin)

**Rajah 6.** Antara kemahiran hidup Komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani

#### Seni tarian dan muzik

Terdapat tiga kategori budaya kesenian yang dimiliki oleh komuniti Bajau Ubian iaitu seni tarian, alat muzik dan pakaian tradisional. Komuniti ini terkenal dengan seni tarian *igal-igal* yang diiringi dengan pelbagai jenis alat muzik antaranya *kulingtangan*, gong dan tambul (Rajah 7). Tarian ini dipersembahkan semasa majlis perkahwinan dan dijadikan sebagai tarikan utama untuk meraikan majlis tersebut. Pada kebiasaannya, orang ramai akan menyisipkan duit di celah jari penari ketika persembahan sedang berlangsung. Tarian ini mengandungi elemen pertandingan untuk mementukan siapa yang mampu bertahan lama antara penyanyi dan penari. Kini, alat dan irama muzik tarian ini telah diubah suai

mengikut peredaran zaman. Irama muzik iringan yang selalu digunakan adalah ubah suai daripada irama lagu hindustan, dangdut dan lagu popular Barat yang berentak rancak dan ceria.



Tarian *igal-igal* (tuan rumah menyelitkan wang ringgit kepada penari)

Tarian *igal-igal* (unsur pertandingan antara penyanyi dengan penari)

**Rajah 7. Antara seni tarian dan muzik Komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani**

Temu bual tidak langsung dan pemerhatian penyelidik mendapati kebanyakan pakaian tradisional Bajau Ubian di Pulau Mantanani telah semakin lupsus (Jadual 9). Justeru, usaha pemuliharaan dan pemeliharaan seni kebudayaan Bajau Ubian harus dilaksanakan dengan strategi pemerkasaan kearifan tempatan melalui pembangunan pelancongan berdasarkan komuniti di pulau ini.

#### **Jadual 9. Pakaian tradisional Komuniti Bajau Ubian**

Pakaian Tradisi
a) <i>Tadjung</i>
· Kain yang dipakai oleh kaum lelaki untuk bersolat dan semasa di rumah
· Cara pemakaian sama dengan kain sarung kaum wanita yang disintal pada bahagian pinggul
b) <i>Taruk balangah</i>
· Digunakan semasa kenduri perkahwinan dan kematian
· Bagi kenduri kematian, pakaian ini dipakai selepas upacara pengkebumian dilakukan
c) <i>Sawwal tadjak</i>
· Dipakai khas oleh kaum wanita
· Cara pemakaian yang sama dengan <i>tadjung</i>
d) <i>Sablai</i>
· Baju yang tidak berbutang dari leher hingga ke bahagian bawah baju
· Dipakai semasa majlis perkahwinan

#### *Majlis keraian dan perayaan*

Majlis keraian dan perayaan komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani memiliki persamaan dengan komuniti lain yang terdapat di kawasan pantai Timur, Sabah seperti di Sandakan, Kunak, Lahad Datu, Semporna dan Tawau. Antara majlis keraian komuniti pulau ialah majlis pertunangan, perkahwinan dan potong jambul. Manakala pada musim perayaan pula, hari raya Aidilfitri dan hari raya Aidiladha diraikan dengan turut memaparkan elemen kearifan tempatan komuniti melalui hidangan masakan dan kuih-muih.



**Rajah 8.** Antara majlis keraian dan festival Komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani

Resam perkahwinan etnik Bajau mempunyai persamaan dengan orang Melayu. Secara umumnya, komuniti ini mementingkan pelaksanaan setiap upacara dalam adat tradisi perkahwinan (Saidatul dan Halina, 2012). Secara kronologi, upacara majlis perkahwinan komuniti Bajau Ubian ditunjukkan dalam Jadual 10 & Rajah 8.

**Jadual 9. Kronologi ringkas upacara perkahwinan komuniti Bajau Ubian**

Kronologi
a) Merisik
<ul style="list-style-type: none"><li>• Adat merisik dengan menghantar wakil pihak lelaki kepada wakil perempuan</li><li>• Wakil mestilah terdiri daripada dua orang wanita iaitu ibu kandung dan ibu saudara pihak lelaki</li><li>• Wakil akan menyatakan hasrat untuk menjodohkan anak lelaki dengan anak perempuan mereka.</li><li>• Selepas menyatakan hasrat, pihak wanita akan diberikan tempoh selama seminggu untuk memberikan keputusan.</li><li>• Jika keputusan merisik diterima, pihak perempuan akan bertandang ke rumah lelaki untuk memberikan keputusan.</li></ul>
b) Bertunang
<ul style="list-style-type: none"><li>• Pihak lelaki akan menghantar rombongan ke rumah pihak wanita dengan membawa sebentuk cincin emas dan wang berjumlah RM50.00 hingga RM100.00 sebagai tanda ikatan hubungan terjalin.</li><li>• Semasa rombongan pertunangan, kedua-dua belah pihak akan berbincang mengenai perbelanjaan semasa majlis perkahwinan. Kebiasaannya, perbelanjaan majlis perkahwinan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak lelaki.</li><li>• Setelah itu, wanita akan memberikan semula cincin sebagai cagaran dan dipakaikan semasa akad nikah dilaksanakan.</li></ul>

---

c) Pernikahan

- Pada malam sebelum pernikahan, bakal pengantin wanita dan lelaki akan mengadakan malam berinai.
- Pada keesokan harinya, kedua bakal pengantin perlu ke pejabat agama di tanah besar kerana pernikahan yang dilakukan di pulau akan menyukarkan proses pengeluaran sijil pernikahan.
- Akad nikah akan diwakili oleh wali dan saksi serta menyarungkan cincin ke jari perempuan.

d) Majlis persandingan

- Persiapan sebelum bersanding dilakukan awal sehari sebelum majlis bermula seperti membuat kuih tradisional, memasang khemah dan pelamin.
  - Konsep gotong-royong wujud dalam kalangan komuniti ini.
  - Pada pagi hari persandingan, tetamu seperti jiran dan sanak saudara akan bertandang ke rumah pengantin lelaki dan perempuan.
  - Tetamu yang hadir pada kebiasaan akan memberikan sumbangan wang ringgit kepada ibu bapa pengantin, manakala wakil daripada pihak pengantin akan memberikan tetamu sebuah plastik yang berisi makanan seperti nasi, kuih-muih, lauk dan minuman.
  - Pada waktu malam adalah kemuncak majlis perkahwinan kerana kedua-dua pengantin akan disandingkan dan dihiburkan dengan irama muzik dan tarian tradisional Bajau Ubian.
- 

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kepelbagaiannya jenis dan ciri-ciri kearifan tempatan komuniti Bajau Ubian sememangnya unik dan berpotensi sebagai salah satu tarikan pelancongan berasaskan komuniti di Pulau Mantanani. Namun, penglibatan secara aktif daripada komuniti pulau adalah mustahak untuk memastikan program pemerkasaan kearifan tempatan sebagai tarikan pelancongan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Selain itu, penglibatan, peranan dan sokongan badan bukan kerajaan (NGO), agensi pelancongan dan sektor swasta adalah penting untuk membantu komuniti Bajau Ubian berdikari dalam menjana pendapatan melalui sektor pelancongan. Pemerkasaan kearifan tempatan komuniti pulau bukan sahaja penting untuk tarikan pelancongan berasaskan komuniti tetapi yang lebih utama ialah sejauh mana ia mampu dipelihara agar terus kekal lestari untuk tatapan dan amalan generasi akan datang.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Skim Penyelidikan Bidang Keutamaan (SPBK) yang bertajuk '*Strategi Pembasmian Kemiskinan melalui Pemerkasaan Kearifan Tempatan Komuniti Pulau sebagai Tarikan Pelancong*' [SBK0215-SS-2015].

## Rujukan

- Arnstein SR (1969) A Ladder of Citizen Participation. *Journal of the American Institute of Planners* 35, (4), 216-224.
- Addison L (1996) An approach to community-based tourism planning in the Baffin region, Canada's Far North - A retrospective. In: Harrion LC, Husbands W (eds) *Practicing Responsible Tourism*, pp. 296-329. JohnWiley and Sons, New York.
- Butler RW (1980) The concept of a tourist area cycle of evolution: Implications for management of resources. *Canadian Geographer* 14 (1), 5-12.
- Connell D (1997) Participatory Development: An Approach Sensitive to Class and Gender. *Development in Practice* 7(3), 248-259.

- Cheng YC (2002) Fostering Local Knowledge and Wisdom in Globalized Education. Invited keynote speech presented at the 8th International Conference held at Faculty of Education of Chulalongkorn University. Bangkok, Thailand. 18-21 November.
- Felstead ML (2000) *Master Plan for Community-Based Eco-Tourism in Ulgan Bay, Palawan, Republic of the Philippines*. Puerto Princesa City (PPC). UNESCO-UNDP/PPC, Philippines.
- Flavier JM (1995) The Regional Program for the Promotion of Indigenous Knowledge in Asia. In: Warren DM, Slikkerveer LJ, Brokensha D (eds) *The Cultural Dimension of Development: Indigenous Knowledge Systems*, pp.479-487. Intermediate Technology Publications, London.
- Goodwin H, Santilli R (2009) *Community-Based Tourism: A Success?* ICRT Occasional Paper 11.
- Gray B (1985) Conditions Facilitating Inter organizational Collaboration. *Human Relations* 38(10), 911-936.
- Hiwasaki L (2006) Community-based tourism: A Pathway to sustainability for Japan's protected areas. *Society and Natural Resources* 19 (2), 675-692.
- Hiwasaki L, Luna E, Syamsidik, Shaw R (2014) *Local and indigenous knowledge for community resilience: Hydro-meteorological disaster risk reduction and climate change adaptation in coastal and small island communities*. UNESCO, Jakarta. p.60.
- Haywood KM (1988) Responsible and Responsive Tourism Planning in the Community. *Tourism Management* 9(2), 105-108.
- Jabatan Perangkaan (2010) [Cited 12/7/2015]. Available from: <https://www.statistics.gov.my>.
- Joppe M (1996) Sustainable community tourism development revisited. *Tourism Management* 17 (7), 475-479.
- Jabil Mapjabil, Nor-Ina Kanyo (2014) Ciri Tarikan dan Tahap kemudahan Pelancong di Taman Laut Tunku Abdul Rahman, Sabah. In: Jabil Mapjabil, Yahaya Ibrahim, Tan Wan Hin (eds) *Pelancongan Pulau di Malaysia*, pp.93 – 94. Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KEPKAS) (2015) [Cited 12/7/2015].
- Krippendorf J (1987) *The Holiday Makers*. Heinemann Professional Publishing, Oxford.
- Murphy PE (1985) *Tourism: A Community Approach*. Methuen, New York and London.
- Nadiah Abdul Halim, Er Ah Choy, Jumaat H Adam, Mohd Afiq Aizat Juhari, Siti Norhafizah Ahmad Tarmidzi (2012) Potensi pelancongan di Matu-Daro, Sarawak: Persepsi komuniti lokal. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 8 (9), 13-21.
- Nur Atiqah Kamarus Zaman, Habibah Ahmad, Nur Amirah Kamarus Zaman, Er Ah Choy, Hamzah Jusoh, Zaini Sakawi, Amriah Buang (2014) Tahap penglibatan penduduk dalam pembangunan pelancongan Putrajaya. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 10 (8), 114-123.
- Okazaki E (2008) A Community-Based Tourism Model: Its Conception and Use. *Journal of Sustainable Tourism* 16 (5), 511-529.
- Poon A (1993) *Tourism, Technology and Competitive Strategies*. CAB International, Oxford.
- Pearce P L (1994) Tourist-Resident Impact: Examples and Emerging Solutions. In: Theobald WF (eds) *Global Tourism: The Next Decade*, pp.103-123. Butterworth- Heinemann, Oxford.
- Rosazman Hussin, Velan Kunjuraman (2014) Pelancongan mapan berdasarkan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 10 (3), 160-174.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali, Halina Sendera Mohd Yakin (2012) Perkahwinan, Kelahiran dan Kematian. In: Saidatul Nornis Hj. Mahali (ed) *Bajau Pantai Barat. Siri Etnik Sabah ITBM-UMS*, pp.47-52. Institut Terjemahan & Buku Malaysia dan Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Shalawati Ibrahim, Muhammad Sharin Ab Karim, Abdul Lateef Krauss Abdullah, Jusang Bolong (2014) Preliminary Study of Unveiling Bajau Foods Characteristics in Papar, Sabah. *Sabah-Malaysian-Borneo International Mountain Day Conference*. Universiti Sains Malaysia. 9-11 December.
- Selin S, Chavez D (1995) Developing and Evolutionary Tourism Partnership Model. *Annals of Tourism Research* 22 (4), 844-856.

- Simpson MC (2008) Community Benefit Tourism Initiatives - A conceptual oxymoron? *Tourism Management* **29**, 1-18.
- Taylor G (1995) The Community Approach: Does it Really Work? *Tourism Management* **16**(7), 487-489.
- Vesna Dukic, Ivana Volic, Sanja Tisma, Daniela Angelina Jelincic (2014) Responsible community based ecotourism initiatives in protected rural areas of the Balkans: Case studies from Serbia and Croatia. *American Journal of Tourism Management* **3** (1), 51-63.
- Warren MD (1992) Indigenous knowledge, biodiversity conservation and development: Keynote address. In *Proc. International Conference on Conservation of Biodiversity*, pp.15-30. Nairobi, Kenya.
- Weiler B, Hall CM (1992) *Special Interest Tourism*. Belhaven Press, London.
- Wahab S, Pigram JJ (1997) Tourism and Sustainability: Policy Considerations. In: Wahab S, Pigram JJ (eds) *Tourism, Development and Growth: The Challenge of Sustainability*, pp.277-290. Routledge, London and New York.
- Yahaya Ibrahim (2008) *Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti*. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Pp. 7-11.
- Yahaya Ibrahim (2014) *Keusahawanan dan Daya Saing dalam Sektor Pelancongan Pulau*. Universiti UNISZA. Pp. 273-277.